

**Petikan Kata-kata dari
*Universiti Malaysia Sabah
EcoCampus Blueprint:***

“Dengan menyahut seruan global “Masa depan yang kita dambakan” yang diisytiharkan semasa perhimpunan Kemuncak Bumi Rio+20, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedar bahawa perubahan fundamental perlu dilakukan terhadap cara masyarakat berfikir dan bertindak ke arah pembangunan lestari. Kita percaya ini hanya boleh dicapai menerusi pendidikan dan transformasi nilai-nilai dan gaya hidup masyarakat itu sendiri. Justeru selari dengan itu, idea EcoCampus diketengahkan.”

Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah
Februari 2013



EcoCampus

UMS Menjunjung Ilmu Melestari Alam

EcoCampus

UMS Menjunjung Ilmu Melestari Alam

MOHD. HARUN ABDULLAH

PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kota Kinabalu, Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2014

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Universiti Malaysia Sabah, 2014

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Harun Abdullah, 1961-

EcoCampus : UMS Menjunjung Ilmu Melestari Alam / MOHD HARUN
ABDULLAH.

ISBN 978-967-0521-37-4

1. Universiti Malaysia Sabah.

2. Universities and colleges--Environmental aspects.

3. University and colleges--Sosial aspects.

4. Speeches, addresses, etc. I. Judul.

378.59521

Muka taip teks:

Times New Roman

Saiz taip teks dan *leading*:

12/4.4 poin

Kredit foto:

Ernest Berinus

Diterbitkan oleh:

Penerbit Universiti Malaysia Sabah,

Tingkat Bawah, Perpustakaan,

Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,

88400 Kota Kinabalu, Sabah

Gayawara Sdn. Bhd.

Dicetak oleh:

No. 2, Jalan Nountun, Kg. Bambangan


Inanam, Tingkat Bawah Wisma Capital,

88450 Kota Kinabalu, Sabah

Peti Surat 21851, 88776 Luyang, Sabah

KANDUNGAN

	HALAMAN
Prakata	
1 Pendahuluan	1
2 Falsafah dan Konsep EcoCampus	5
3 Mengorak Langkah ke Hadapan	17
4 EcoCampus: Suatu Komitmen untuk Masa Depan	33
5 Meneraju Akademik Ekosistem Semula Jadi	49
6 Penutup	69
Sajak	73
Daftar Istilah	74
Rujukan	75



Berbasikal di kawasan pantai kampus.

Prakata

Kampus merupakan suatu kawasan di mana para akademika menabur ilmu kepada generasi yang memerlukan ilmu. Dalam usaha para cendekiawan menjunjung ilmu, ada amanah yang perlu dipikul oleh setiap individu bagi memastikan alam yang mereka huni dijaga dengan baik agar terus lestari untuk diwarisi oleh generasi yang akan datang. Justeru, buku ini mengetengahkan suatu model kampus yang berusaha untuk menerapkan elemen mesra alam dalam pengurusan dan akademiknya, di samping meletakkan sasaran tertentu untuk memastikan kejayaan dapat dicapai. Pada bab awal, perbincangan tertumpu ke atas makna alam sekitar dan falsafahnya. Bagi membolehkan masyarakat melindungi alam dan sekitar mereka, terdapat tiga pendekatan yang boleh diketengahkan, yakni menerusi pemahaman sains, agama dan sifat kemanusiaan itu sendiri.

Sesungguhnya, menghayati falsafah alam membuka minda untuk merenung jauh dan memahami betapa manusia memerlukan alam, sedangkan alam tidak memerlukan mereka.

Manusia tidak mempunyai pilihan lain, melainkan untuk hidup secara harmoni dengan alamnya. Tindak-tanduk manusia ditentukan oleh akal fikiran yang membentuk minda, sama ada ia akan cenderung ke arah mesra alam ataupun sebaliknya. Dalam konteks ini, pendidikan memainkan peranan yang penting terhadap pembentukan minda tersebut. Justeru bagi menyahut seruan tersebut, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melancarkan program EcoCampus dan seterusnya menghasilkan *Blueprint* EcoCampus UMS. Program ini menekankan pemacuan perubahan berfikir dan bertindak dalam usaha menangani isu-isu kritikal yang berkaitan seperti perubahan iklim, serta melindungi alam sekitar menerusi lima nilai teras utama yang merangkumi pembangunan lestari, perlindungan ekologi, keserasian alam sekitar, pemuliharaan sumber dan pengawasan alam sekitar.

Bab-bab dalam buku ini turut membincangkan sumber alam dan keunikan yang ada di dalam kampus UMS sebagai aset yang berharga, yang mana perlu dipelihara dan dimanfaatkan secara harmoni oleh warga universiti. Kewujudan UMS diharapkan dapat berperanan sebagai pusat atau agen yang mampu membawa perubahan kepada minda dan sikap masyarakat ke arah yang progresif. Suatu hal yang tidak dapat dinafikan bahawa alam begitu penting dan sangat mempengaruhi kejiwaan manusia, dan dengan demikian pengekaln kehijauan kampus perlu dititikberatkan. Maka,

budaya dan semangat mesra alam amat bertepatan dengan ciri dan sifat yang dimiliki oleh kampus UMS. EcoCampus dalam konteks ini merujuk kepada pengekalan kehijauan kampus, konservasi dan perlindungan alam sekitar. Namun pada masa yang sama, sumber alam dan keindahan di dalam dan sekitar kampus dimanfaatkan untuk pelbagai tujuan selain akademik seperti pusat latihan pendidikan alam sekitar dan ekopelancongan.

Diharapkan buku ini boleh menjadi panduan untuk menerangkan falsafah dan hasrat di sebalik pengenalan program EcoCampus serta manfaatnya kepada warga universiti yang terdiri daripada para pelajar, ahli akademik serta staf, dan juga masyarakat keseluruhannya. Moga-moga pemikiran EcoCampus yang diketengahkan membuka peluang dan ruang kepada setiap individu untuk membawa suatu transformasi minda dan pelbagai aktiviti yang menyokong dan mendukung konsep kelestarian. Ia merupakan suatu inisiatif yang menunjukkan komitmen UMS untuk melaksanakan usahanya memperjuangkan kelestarian alam. Suatu perjuangan untuk sentiasa relevan dalam perjalanan hidup ini dalam berdepan dengan persekitaran yang sentiasa berubah.

Mohd Harun Abdullah, PhD
Universiti Malaysia Sabah